

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin**
[Masjid Tanah]
TARIKH : **9.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian memutuskan untuk memberi tempoh hingga April ini bagi mengkaji semula keberkesanan Sistem Pentaksiran Sekolah (PBS) setelah menyedari akan keluhan guru serta ibu bapa yang khuatir serta gusar akan keberkesanan sistem ini:-

- (a) adakah Kerajaan masih lagi ingin meneruskan sistem PBS ini; dan
- (b) apakah cadangan pihak Kementerian untuk mengatasi kerisauan semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan negara kita ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Seperti pengumuman yang telah dibuat, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan diteruskan dan telah dilaksanakan mulai 1 April 2014 berikutan hasil kajian semula PBS yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder*. Antara penambahbaikan yang akan dilakukan ialah:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod

Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;

- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi SPPBS secara on line seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline. Pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa; dan
- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) melalui PBS. Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan moderasi dan verifikasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambah baik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mengatasi kerisauan semua pihak yang terlibat, KPM akan mengadakan taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran serta kepakaran guru memeriksa jawapan murid.